

1. Apakah ciri bagi perniagaan perkongsian?
  - A Pemilikan boleh dipindah milik dengan mudah
  - B Dikendalikan sepenuhnya oleh seorang individu
  - C Liabiliti yang ditanggung tidak terhad
  - D Modal diperoleh melalui penjualan saham kepada orang ramai
2. Perniagaan manakah yang tergolong dalam kategori perniagaan bersaiz sederhana?
  - A Rangkaian kedai runcit dengan 50 orang pekerja
  - B Kilang antarabangsa dengan jumlah jualan tahunan RM55 juta
  - C Pengeluar bahan pembinaan yang mempunyai 50 orang pekerja
  - D Syarikat telekomunikasi dengan jumlah jualan tahunan RM25 juta
3. Dialog berikut berkaitan dengan sebuah perniagaan.

Adam	:	Saya bercadang untuk bekerja di ABC Enterprise selepas tamat belajar.
Najmi	:	Oh, syarikat itu dalam sektor pembuatan. Saya dengar mereka mempunyai 60 pekerja.
Adam	:	Betul! Mereka juga mencatatkan jualan tahunan RM10 juta.

- Apakah saiz perniagaan tersebut?
- A Mikro
  - B Kecil
  - C Sederhana
  - D Besar
4. Maklumat berikut berkaitan klasifikasi perniagaan.

Syarikat Ahza Sdn. Bhd. menjalankan perkhidmatan bengkel kereta di pekan Kapar. Selepas 10 tahun, syarikat ini telah berkembang dan mempunyai beberapa cawangan di seluruh negeri Selangor serta merancang untuk meluaskan operasi ke seluruh negara.
---

- Apakah skala perniagaan tersebut?
- A Tempatan
  - B Zon
  - C Kebangsaan
  - D Antarabangsa

5. Gambar 1 merupakan logo agensi kerajaan.



Gambar 1

Apakah jenis perkhidmatan yang disediakan oleh agensi tersebut?

- A Promosi
  - B Penyelidikan
  - C Undang-undang
  - D Tanah dan galian

6. Antara yang berikut, yang manakah merupakan trend persekitaran pertumbuhan ekonomi?

  - I Kemerosotan
  - II Perkembangan
  - III Pembangunan
  - IV Kecemerlangan  
  - A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

7. Gambar 2 berkaitan dengan faktor perubahan persekitaran perniagaan.




Gambar 2

Apakah faktor perubahan persekitaran tersebut?

- A Ekologi
  - B Ekonomi
  - C Teknologi
  - D Undang-undang
8. Antara yang berikut, yang manakah faktor dalaman yang boleh mempengaruhi perubahan objektif perniagaan?
- I Kewangan
  - II Ekonomi
  - III Sosiod budaya
  - IV Sumber manusia
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

9. Rajah 1 berkaitan dengan kesan perubahan persekitaran terhadap perniagaan dari aspek pasaran.



Rajah 1

Apakah X?

- A Pengangguran akan meningkat
  - B Perlindungan kepada pengguna
  - C Pembangunan dalam teknologi
  - D Pendapatan pengguna meningkat
10. Apakah maksud misi perniagaan?
- A Panduan membuat keputusan
  - B Pembentukan maklumat lebih khusus
  - C Penetapan perancangan jangka masa panjang
  - D Pernyataan ringkas menjelaskan tujuan utama perniagaan
11. Maklumat berikut berkaitan dengan ciri-ciri objektif perniagaan.

<b>Ciri objektif perniagaan</b>	<b>Contoh</b>
<b>P</b>	Aktiviti membina sebuah bangunan kedai bermula pada bulan Januari 2024 dan siap pada bulan Mei pada tahun yang sama.
<b>Q</b>	Aktiviti jualan buah tembikai meningkat sebanyak 10 000 biji pada bulan puasa berbanding bulan yang sebelumnya.

Apakah ciri-ciri objektif bagi **P** dan **Q**?

	<b>P</b>	<b>Q</b>
A	Spesifik	Jangka masa
B	Jangka masa	Boleh diukur
C	Boleh diukur	Munasabah
D	Munasabah	Spesifik

12. Antara yang berikut, yang manakah tujuan penetapan visi sebuah perniagaan?

- I Mengagihkan sumber secara tepat
  - II Menjadi asas kepada pencapaian matlamat
  - III Melibatkan jangka masa melebihi lima tahun
  - IV Mendorong semua pihak memahami matlamat
- 
- A. I dan II
  - B. I dan IV
  - C. II dan III
  - D. III dan IV

13. Maklumat berikut berkaitan faktor yang mempengaruhi keperluan mengubah visi, misi dan objektif perniagaan.

PETALING JAYA: Kerajaan dijangka memperkenal lima cukai baharu untuk mempromosi gaya hidup sihat. Ia adalah Cukai Makanan Tidak Sihat, Cukai Penetapan Harga Karbon, Cukai Warisan, Cukai Barang Bernilai Tinggi (HVTG) dan Kecerdasan Buatan (AI).

Sumber: <https://www.utusan.com.my/nasional>, Jumaat 11 April 2025

Apakah faktor tersebut?

- A Ekonomi
- B Teknologi
- C Sosiod budaya
- D Undang-undang

14. Aktiviti manakah yang melibatkan bahagian fungsian pengagihan?

- A Menghasilkan barang
- B Menguruskan latihan pekerja
- C Mengedarkan produk kepada pengguna
- D Menyimpan rekod kewangan perniagaan

15. Maklumat berikut berkaitan aplikasi penggunaan teknologi maklumat dalam bahagian fungsian.

Restoran Nasi Lemak Izaham menggunakan *QR Code* untuk mengambil pesanan pelanggan.

Apakah fungsi penggunaan aplikasi teknologi maklumat tersebut?

- A Penghasilan produk yang berkualiti
- B Penawaran perkhidmatan yang pantas
- C Pengiklanan produk tanpa sebarang kos
- D Penyimpanan data jualan secara bertulis

16. Rajah 2 berkaitan interaksi dan perkaitan bahagian fungsian dalam dua perniagaan yang berlainan.



Rajah 2

- Apakah interaksi bahagian fungsian dalam dua perniagaan tersebut?
- A Bahagian fungsian kewangan kedai kek mengeluarkan invois kepada bahagian fungsian jualan Pasaraya Kembangan
  - B Bahagian fungsian kewangan Pasaraya Kembangan mengeluarkan invois kepada bahagian fungsian jualan kedai kek
  - C Bahagian fungsian agihan kedai kek menerima produk daripada bahagian fungsian pemasaran Pasaraya Kembangan
  - D Bahagian fungsian agihan Pasaraya Kembangan menerima produk daripada bahagian fungsian pemasaran kedai kek
17. Apakah maksud pembangunan produk baharu dalam konteks perniagaan?
- A Membeli produk daripada pesaing
  - B Membalik kedudukan kewangan syarikat
  - C Menghasilkan produk sedia ada dengan jenama baharu
  - D Menghasilkan produk yang belum pernah ditawarkan oleh syarikat
18. Bagaimanakah pengelolaan sumber manusia yang berkesan membolehkan Syarikat Ombak Jaya mengekalkan pembangunan perniagaan yang mampan?
- A Mengurangkan latihan kakitangan untuk menjimatkan kos operasi
  - B Menawarkan gaji tetap tanpa mengambil kira prestasi pekerja
  - C Melaksanakan program latihan berterusan kepada pekerja
  - D Menggantikan pekerja lama dengan pekerja baharu secara kerap

19. Apakah kemahiran kebolehkerjaan yang dimiliki oleh seorang doktor pakar?
- A Berpengalaman selama lebih 10 tahun
  - B Bekerja lama dalam bidang farmaseutikal
  - C Berpengetahuan tentang ubat-ubatan herba
  - D Berkelayakan sarjana dalam bidang perubatan
20. Bagaimanakah kemahiran kebolehkerjaan yang dimiliki oleh pegawai perhubungan pelanggan boleh menyumbang kepada kejayaan sesebuah perniagaan?
- A Mengurangkan masa untuk bekerja
  - B Meyampaikan maklumat dengan lancar
  - C Mengelakkan pekerja lain memberikan pendapat
  - D Menyiapkan kerja secara bersendirian sahaja
21. Apakah maksud elau?
- A Bayaran berdasarkan tempoh masa
  - B Bayaran tambahan bergantung kepada jenis jawatan
  - C Bayaran tambahan berdasarkan tempoh jam bekerja
  - D Bayaran mengikut perjanjian pekerjaan antara kedua pihak
22. Gambar 3 berkaitan dengan aktiviti penyelenggaraan sumber fizikal.



Gambar 3

- Apakah kepentingan aktiviti tersebut?
- A Memastikan alat pendingin hawa tahan lama
  - B Mengelakkan penyalahgunaan jenama
  - C Menguruskan ganti rugi secara terancang
  - D Menentukan alat pendingin hawa yang perlu dibaiki

23. Apakah tujuan mengurus sumber teknologi dalam mengurus sebuah perniagaan?
- Melindungi perniagaan daripada kerosakan akibat kecurian
  - Memenuhi piawaian keselamatan yang ditetapkan
  - Mengelakkan diri daripada dikenakan saman
  - Membaiki peralatan yang bermasalah
24. Pasangan yang manakah betul menunjukkan rumusan perkaitan antara pengurusan sumber fizikal dan teknologi sebuah kilang Oden Ria?

	<b>Pengurusan sumber fizikal</b>	<b>Pengurusan sumber teknologi</b>
A	Menggunakan mesin berteknologi tinggi	Resepi ditiru
B	Peralatan tahan lama	Produk berkualiti
C	Bahan mentah digunakan secara optimum	Logo perniagaan dipatenkan
D	Produk dihasilkan tidak berkualiti	Jenama digunakan tanpa kebenaran


25. Mengapakah sumber pembiayaan dalaman menjadi pilihan ramai peniaga kecil?
- Faedah pinjaman tidak dikenakan
  - Boleh meminjam dari ibu bapa
  - Cagaran tidak diperlukan
  - Jumlah pinjaman yang lebih fleksibel
26. Maklumat berikut berkaitan sumber pembiayaan luaran.

<b>Sewa Beli</b>	<b>Pajakan</b>
Aktiviti menyewa aset untuk membeli aset tersebut	Menggunakan mesin dengan menyewanya dari syarikat pajakan

Pernyataan yang manakah yang betul?

- Sewa beli aset melibatkan kepunyaan peniaga berbanding pajakan yang melibatkan aset kepunyaan syarikat pajakan
- Sewa beli aset memerlukan bayaran deposit berbanding pajakan yang tidak memerlukan deposit
- Kos penyelenggaraan aset yang disewa beli adalah ditanggung pihak bank berbanding pajakan yang ditanggung oleh peniaga
- Sewa beli dan pajakan membolehkan peniaga memiliki aset yang bernilai tinggi

27. Rajah 3 menunjukkan prosedur mendapatkan sumber pembiayaan untuk sebuah perniagaan.



Rajah 3

Apakah Y?

- A Menyediakan dokumen yang diperlukan
- B Menandatangani kontrak pinjaman
- C Membuat permohonan
- D Mencari penjamin

28. Maklumat berikut berkaitan sejenis pembiayaan.

Muhammad merupakan seorang graduan lepasan universiti yang baru menamatkan pengajian dalam jurusan Keselamatan Siber. Beliau dan beberapa orang rakannya mengambil keputusan untuk memulakan perniagaan sendiri dengan menawarkan perkhidmatan perisian komputer yang melibatkan keselamatan data dan perisian. Seorang rakannya mencadangkan agar mereka memohon geran dari Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) untuk mendapatkan dana.

Mengapakah rakannya mencadangkan jenis pembiayaan tersebut?

- A Perniagaan melibatkan penyelidikan dan pembangunan
- B Perniagaan melibatkan keselamatan siber
- C Perniagaan berteraskan sains dan teknologi
- D Pemilik perniagaan adalah graduan yang baru menamatkan pengajian

29. Antara yang berikut, yang manakah pihak yang berkepentingan kepada Penyata Aliran Tunai?

- I Pengurusan
- II Pelabur
- III Pesaing
- IV Pekerja

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

30. Maklumat berikut diperoleh daripada Kunci Kira-kira Abdullah Trading.

<b>Butiran</b>	<b>RM</b>
Aset semasa	20 000
Aset bukan semasa	40 000
Liabiliti semasa	4 000
Liabiliti bukan semasa	4 000

Berapakah nilai nisbah semasa?

- A 1 : 1
- B 2 : 1
- C 5 : 1
- D 10 : 1

31. Maklumat berikut berkaitan dengan kecekapan pusing ganti stok dua buah perniagaan.

	<b>Nadirah Kosmetik</b>	<b>Nabilah Beauty</b>
Kadar pusing ganti stok	6 kali	10 kali

Pernyataan yang manakah betul?

- A Jualan Nabilah Beauty lebih laris
- B Pengurusan stok Nadirah Kosmetik lebih efisien
- C Kos penyimpanan Nabilah Beauty lebih tinggi
- D Kadar pulangan keuntungan Nadirah Kosmetik lebih cepat

32. Antara yang berikut, manakah contoh stok bergerak perlahan?
- I Tepung gandum
  - II Minyak masak
  - III Kereta
  - IV Perabot
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
33. Antara yang berikut, manakah berkaitan keberuntungan perniagaan kepada usahawan?
- I Mempelbagaikan produk
  - II Meneroka pelbagai sumber perniagaan
  - III Melaksanakan tanggungjawab sosial
  - IV Memantapkan imej perniagaan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
34. Pernyataan manakah tertakluk di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956?
- A Membayar fi RM30 untuk nama tred
  - B Memperolehi Borang D perniagaan
  - C Menerima Notis Pemerbadanan Perniagaan
  - D Memohon kelulusan perniagaan bagi nama sendiri
35. Pilih pernyataan yang betul tentang kesan memulakan perniagaan mengikut akta?
- A Entiti perniagaan sah apabila memperolehi lesen perniagaan dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia
  - B Perusahaan boleh mendapat pampasan atas risiko perniagaan yang diinsuranskan
  - C Perniagaan dapat dijalankan di premis apabila mempamerkan sijil perakuan pendaftaran dari Pihak Berkuasa Tempatan
  - D Organisasi akan mudah menerima pembiayaan rizab keuntungan dari pihak pelabur luar

36. Maklumat berikut berkaitan tanggungjawab yang perlu dipatuhi oleh usahawan setelah mendaftarkan perniagaan.

Puan Anisah baru mendapat kelulusan untuk membuka perniagaan Spa Herbal Aroma. Beliau bercadang untuk menyewa ruang kedai yang terletak berhampiran dengan kawasan perumahannya di Shah Alam.

Apakah tanggungjawab yang perlu dilakukan oleh Puan Anisah?

- A Memasang papan tanda perniagaan mengikut spesifikasi Suruhanjaya Syarikat Malaysia
- B Mendaftarkan perubahan maklumat dalam tempoh 30 hari dari tarikh perubahan
- C Menyediakan dokumen rasmi perniagaan kepada Pihak Berkuasa Tempatan
- D Mempamerkan borang A di tempat yang boleh dilihat dengan jelas

37. Dokumen yang manakah berkaitan dengan pembelian barang secara kredit?

- A Bil tunai
- B Memo
- C Resit
- D Invois

38. Maklumat berikut berkaitan dengan kaedah promosi.

Cik Nurul pemilik Cafe Rasaku telah ditemuramah oleh stesen televisyen untuk memperkenalkan kafenya kepada orang ramai.

Apakah kaedah tersebut?

- A Jualan langsung
- B Promosi jualan
- C Pengiklanan
- D Publisiti

39. Mengapakah promosi yang berkesan perlu dilakukan oleh peniaga?

- A Memenuhi keperluan dan kehendak
- B Mengelakkan kesetiaan pembeli
- C Mengurangkan lambakan barang
- D Membekalkan stok secara berterusan

40. Antara yang berikut, manakah kepentingan Rancangan Perniagaan kepada peniaga?

- I Menilai projek yang dirancang
  - II Menjangka risiko yang berlaku
  - III Mengenal pasti pekerjaan baharu
  - IV Mengetahui kelayakan mendapatkan pinjaman
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV